PERJUANGAN POLITIK KHADIJAH SIDEK

OLEH:

ROHANA MOHAMED NOR

AGE 00005

DISERTASI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH

SARJANA SASTERA (KURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SEJARAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 2002/2003

A511145969

Perpustakaan Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
Dedikasi	iii
Penghargaan	iv
Singkatan	vi
Senarai Peta dan Jadual	vii
Abstrak	viii
Pendahuluan	xiv
BAB 1 : KEHIDUPAN AWAL	
Pendidikan	3
Semangat Bunda	7
Puteri Kesatria	13
BAB 2 : PENGLIBATAN DALAM UMNO	
Presiden HIMWIM	23
Kehidupan Dalam Penjara	26
Bebas Dari Tahanan	28
Penglibatan Dalam Kaum Ibu UMNO	30
Ketua Kaum Ibu	33
Pemecatan Dari UMNO 1956	37
BAB 3 : PENGLIBATAN DALAM PAS	
Penglibatan Dalam Pilihan Raya 1959	44

Pemimpin Dewan Muslimat PAS 47

Ahli Parlimen 51

Penglibatan Dalam Pilihan Raya 1964 57

Keluar Dari PAS 62

BAB 4 : PENGHUJUNG PERJUANGAN

Calon Bebas 65

Kembali ke Pangkuan UMNO 71

Penglibatan Dalam Kegiatan Sosial 73

Akhir Hayat 75

BAB 5 : KHADIJAH SIDEK DAN TOKOH WANITA LAIN: SATU PERBANDINGAN

Sejarah Penglibatan Awal Dalam UMNO 79

Perjuangan Dalam UMNO 83

Nasib Politik. 92

BAB 6 : KESIMPULAN

BIBLIOGRAFI 95

LAMPIRAN 105

DEDIKASI:

Alhamdulillah syukur
Ke hadrat Allah swt
Dengan Rahmat dan Izinnya
Melanjutkan usia untukku menyiapkan tugasan ini.....

Selautan kasih kutitipkan
Istimewa untuk ayahanda dan bonda
Sesungguhnya pengorbanan kalian tiada batasannya.....

Suamiku
engkau sumber ilhamku.....

Abang dan adik-adiku
Kalian pencetus semangat
Untuk kita sama -sama menongkah ke mercu persada ilmu
Yang tiada penghujungnya...

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim

Alhamdulillah, dengan rahmat Allah dan hidayahNya, akhirnya berjaya juga saya menyiapkan disertasi ini, tetapi rasanya tidak akan sempurna tanpa bimbingan dan tunjuk ajar dari penyelia yang dikasihi iaitu Profesor Madya Dr. Adnan Haji Nawang. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat Encik Nordi Achie yang sanggup memberikan tunjuk ajar dan kritikan-kritikan membina dari beliau amat berguna untuk saya menghasilkan penulisan yang lebih baik.

Buat Pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah yang sentiasa di dalam ingatan, terutamanya Profesor Ramlah Adam, Dr. Joseph M. Fernando, Prof Leong Sau Heng, Prof Abdullah Zakaria Ghazali, Encik Azharuddin M. Dali, Encik Suffian Mansur semoga meredhakan segala ilmu yang telah dicurahkan selama ini. Tidak lupa kakitangan Jabatan Sejarah terutamanya Kak Fida, Puan Pauline, Kak Syam. Terima kasih atas bantuan yang telah diberikan selama ini.

Sekalung penghargaan untuk tokoh-tokoh politik tanah air yang sudi meluangkan masa untuk ditemuramah terutamanya Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, Ustaz Hassan Syukri, Ustaz Mohd Azam Hanafiah, Ustazah Zabidah Ali, Ustazah Hayati Hassan dan kakitangan staf sokongan PAS yang turut sama-sama

membantu saya dalam menyiapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pegawai dan staf-staf sokongan di Arkib Negara Malaysia yang begitu bersusah payah membantu saya mengumpul bahan dari awal sehingga akhir kerja-kerja penyelidikan. Tidak lupa buat kakitangan UMNO terutamanya Kak Siti Jumaah, Kakitangan PERKIM, Pakcik Syukor yang sentiasa membantu saya mendapatkan bahan. Jasa-jasa kalian hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Teristimewa buat ayahanda dan bonda, Mohamed Nor bin Taib dan Eshah binti Hussin yang selama ini banyak berkorban, abang-abang dan adik-adikku yang tersayang. Abang Mail, Abang Ya, adik Yam dan Zarie. Alhamdulillah, cabaran kalianku sambut jua. Kawan-kawan serumah yang sentiasa memberi dorongan terutamanya buat Tiey, Tunn, Rhu, Nah dan sahabat seperjuanganku Mary yang cukup baik hati dan sentiasa memahami. Semoga persahabatan kita kekal hingga ke akhir hayat. Terakhir sekali buat suami tersayang Encik Ridzuan Ahmad yang selama ini sanggup sama-sama berkongsi pengalaman pahit-manis dalam usaha saya menyiapkan disertasi ini, semoga kebahagiaan menjadi milik kita.

SINGKATAN

API	-	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
bil	-	Bilangan
BKR	-	Barisan Keamanan Rakyat
ed.	-	Editor
hlm.	-	Halaman
FELDA	-	Federal Land Development Association
HIMWIM	-	Himpunan Wanita Indonesia Malaya
HIZBUL WATAN	-	Sukarelawan Tanahair
IMP	-	Independence of Malaya Party
ISA	-	Internal Security Art
PAS	-	Pertubuhan Islam Se malaya
PERTIWI	-	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam
PERKABIM	-	Persatuan Kaum Buruh Indonesia
PIM	-	Persatuan Indonesia Merdeka
PKMM	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PERKIM	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
UMNO	-	United Malays National Organization
TKR	-	Tentera Keamanan Rakyat

SENARAI PETA.

Peta 1- Daerah-daerah yang terdapat di Sumatera, Indonesia.

Peta 2- Kedudukan Geo-Politik Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera.

SENARAI JADUAL

Jadual 1-Ketua Dewan Muslimat 1953-Kini

Jadual 2- Keputusan Pilihan Raya 1964 di kawasan DUN Plentong, Johor.

Jadual 3- Keputusan Pilihan Raya Parlimen Kawasan Johor Timur (Mersing)

ABSTRAK

Penulisan ini secara khususnya menyoroti riwayat hidup seorang tokoh wanita yang terlibat dalam percaturan politik di Indonesia dan di Tanah Melayu. Khadijah Sidek seorang tokoh yang semakin dilupakan terutamanya oleh generasi-generasi muda hari ini.

Sebelum ini kupasan tentang kegiatan politik dan jatuh bangun beliau dalam perjuangaan politik tanahair juga telah disentuh oleh beberapa penulis lain, tetapi secara sepintas lalu dan sememangnya tulisan mengenai rentetan perjuangan beliau masih lagi berkurangan.

Beliau mempunyai kronologi perjuangan yang cukup menarik dan tragis. Penulisan ini mencantumkan kepingan-kepingan kegiatannya dalam satu tulisan yang menyeluruh. Bermula di Indonesia sehingga ke Tanah Melayu, kepemimpinannya dalam Puteri Kesatria di Indonesia diakui. Natijahnya, beliau diundang ke Tanah Melayu untuk membantu menyemarakkan semangat perjuangan setelah Indonesia sendiri berjaya menghalau Belanda dan mencapai kemerdekaan pada tahun 1945.

Semangat menuntut kemerdekaan yang dilaungkan melalui kehebatannya berpidato, menyebabkan beliau dicap sebagai wanita berani dan dikenali. Bakat yang dianugerahkan ini adalah tiket penting untuk beliau bergiat cergas dalam pertubuhan -pertubuhan dan parti-parti politik di Tanah Melayu. Beliau berkebolehan memimpin, berpandangan jauh. Tetapi, sikap panas baran dan tidak sabar beliau dalam membuat sesuatu keputusan kadangkala mengundang kebencian dan ketidakpuasan hati banyak pihak.

Ini menyebabkan beliau disingkirkan sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO, dan hatta dalam PAS sekalipun, beliau tetap digelar sebagai seorang pemimpin yang keras mulut dan sukar diajak berbincang. Namun sikapnya yang sentiasa mengetengahkan kaum wanita dalam politik wajar dipuji. Tindakannya ini sekaligus banyak menyedarkan wanita-wanita kampung supaya bergiat cergas dalam politik.

Pengaruhnya mula merosot apabila beliau mengambil keputusan untuk keluar dari PAS dan kembali menyertai UMNO. Sikapnya yang cepat mengubah pendirian sekaligus beliau dicap sebagai orang yang hanya mengejar pengaruh. Sementelahan pula, keadaan dirinya yang uzur akibat menghidapi anemia menyukarkan beliau daripada terus bergiat aktif. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada Julai 1982 semasa berumur 65 tahun. Namun begitu, pengorbanan dan jasanya sebagai pejuang kemerdekaan wajar dikenang.

ABSTRACT

This dissertation is mainly about the life of a woman politician, who was deeply involved in Indonesian and Malaysian politics at a time when few woman were involved in politician forgotten political personality.

There are several biographies of her, expounding these are not indepth studies.

Khadijah Sidek provides an interesting and yet tragic story about a woman and her political battles. This dissertation attempt to provide a narrative of all her activities. Starting from when she was in Indonesia until she moved to Malaysia, her leadership in Puteri Kesatria Indonesia was well known. She was invited to Malaysia to help build up the fighting spirit in the anti-colonial struggle following her role in dispelling the Dutch and the achievement of Indonesian Independence in 1945.

The spirit of independence that was voiced in her speeches caused her to be labelled as brave woman and she was well known. Her leadership abilities enabled her to get actively involved in organizations and political parties in Malaysia. She was also far-sighted. But, her bad temper and impatience in making decisions sometimes caused hatred and dissatisfaction among certain parties.

This caused her removal as head of Kaum Ibu UMNO. In PAS she was also known as a loud mouth and stubborn person. Nevertheless, her role in raising the participation of women in politics made her a respected figure. Her action also opened the eyes of many women villagers and encauraged them involved in politics.

She lost her influence when she decided to leave PAS and rejoin UMNO. She was labelled as someone who only wanted to achieve political influence. Her illness due to anemia later made it impossible for her to be actively involved in politics. She later died in July 1982 at the age of 65. Nevertheless her sacrifies in helping to achieve independence and her involvement in politics should be wisely remembered and appreciated.

Peta 1- Daerah-daerah yang terdapat di Sumatera, Indonesia.

Sumber: Ahmad Subardjo Djojoadisuryo, *Lahirnya Republik Indonesia*, Penerbitan Kinta,Jakarta, 1972, hlm. 2

Peta 2 – Kedudukan Geo-politik Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera



Sumber: Ahmad Subardjo Djojoadisuryo, *Lahirnya Republik Indonesia*, Penerbitan Kinta, Jakarta, 1972, hlm 3.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, masyarakat mengiktiraf dan mengakui pentingnya sumbangan wanita dalam pembangunan negara. Wanita juga digambarkan sebagai tiang negara dan bergerak seiring jalan dengan kaum lelaki dalam pelbagai kegiatan. Gambaran ini dapat diperlihatkan apabila peranan wanita dalam bidang politik dikaji.

Sejak tahun 1946 lagi, apabila masyarakat Melayu menentang cadangan British yang hendak menghapuskan raja dan hak keistimewaan orang Melayu menerusi Malayan Union, kaum wanita turut tampil ke hadapan. Mereka digerakkan oleh keazaman dan semangat yang bersungguh-sungguh untuk sama-sama berganding bahu dengan lelaki di arena politik.

Perjuangan wanita adalah mengikut rentak politik dalam konteks zaman. Salah satu peranan penting wanita ialah menentang penjajahan British. Jika diimbas kembali perjuangan wanita UMNO pada tahun 1940-an, tidak dapat dinafikan pertubuhan ini berperanan membangkitkan kesedaran politik di kalangan wanita. Tidak kurang juga pentingnya sumbangan mereka dalam memberi semangat dan sokongan moral kepada UMNO. Dato'Onn pernah mengakui:

> The voice of The Kaum Ibu will be as powerful as the men. The voice of both will determine the shape of the administration of the country.[1]

---

[1] Lenore Manderson, *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 80.

Ini membuktikan peranan wanita sebagai penggerak politik penting dalam menyumbang kepada perkembangan politik di Malaysia. Justeru, penulisan biografi politik (wanita) tanah air banyak diusahakan oleh sarjana masa kini dengan pelbagai pendekatan yang berbeza.

Antaranya tulisan Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Penisular Malaysia*,[2] membincangkan perkembangan penglibatan kaum wanita dalam politik tanah air, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dalam tempoh 1945-1980. Virginia turut membincangkan peranan wanita Cina dan India.

Selain itu, tulisan Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam : Kedudukannya Dalam Syariah*[3] juga mengetengahkan beberapa tokoh pemimpin wanita Melayu. Beliau mengupas konsep kepemimpinan wanita dalam Islam. Satu galuran ringkas tentang perjuangan politik Khadijah Sidek turut dimuatkan dalam penulisan beliau.

Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) yang disentuh menerusi *Biografi Wanita Malaysia*[4] turut memperhalusi sumbangan wanita tanah air sejak

---

[2] Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Penisular Malaysia*, East Asian Social Science Monographs, Oxford University Press, Singapore, 1987.

3 Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999.

kemerdekaan sehinggalah era 1990-an dengan bentuk dan matlamat perjuangan yang berbeza.

Meneliti *Wanita, Politik dan Perubahan : Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972,*[5] Manderson membincangkan secara menyeluruh struktur, aktiviti dan pencapaian Kaum Ibu UMNO dari tahun 1945-1972. Beliau juga menyoroti secara ringkas barisan kepimpinan Kaum Ibu UMNO sepanjang tempoh tersebut.

Biografi Tokoh Pilihan Malaysia,[6] suntingan Adnan Nawang dan Abdullah Zakaria Ghazali turut memuatkan biografi ringkas tokoh-tokoh politik wanita tanah air. Ini termasuk Khadijah Sidek. Buku ini mengupas penglibatan beliau dalam pelbagai pertubuhan. Antaranya Himpunan Wanita Malaya Indonesia (HIMWIM), Puteri Ksateria, Kaum Ibu UMNO dan sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS. Tetapi, penglibatan dan sumbangan Khadijah dalam PAS tidak dibincangkan secara terperinci.

---

[4] Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), *Biografi Wanita Malaysia,* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.

[5] Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), Fajar Bakti, Selangor, 1981.

[6] Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Biografi Politik Pilihan Malaysia,* Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997.

Kegiatan Khadijah Sidek dalam PAS dibincangkan oleh Zawiah Ariffin[7] walaupun tidak secara menyeluruh. Ini kerana Zawiah hanya memfokuskan faktor penarikan diri beliau dari PAS pada 1969. Beliau tidak memperincikan aktiviti dan sumbangan Khadijah setelah dilantik sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS.

Penglibatan Khadijah Sidek dalam UMNO lebih banyak dibincangkan oleh penulis tempatan berbanding penglibatannya dalam PAS. Seperti yang diusahakan oleh Ramlah Adam dan Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang dalam *Penglibatan Wanita UMNO Dalam Lima Dekad.*[8] Tulisan ini menyentuh aktiviti dan sumbangan Khadijah sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO. Perbandingan pemikiran politik beliau dengan Ketua Kaum Ibu yang lain juga disentuh.

Sehingga kini, *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Ksateria Bangsa*[9] yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh A. Rahman Embong merupakan satu-satunya penulisan yang boleh dikatakan agak lengkap kerana hampir keseluruhan riwayat hidup Khadijah dibincangkan.

---

[7] Zawiah Ariffin, "Dewan Muslimat PAS Pusat 1953-1991", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991 /1992.

[8] Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang, Ramlah Adam, (et.al.), *Penglibatan Wanita UMNO Dalam Lima Dekad*, Penerbit Kembangan Kristal, Kuala Lumpur, 1997.

[9] Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Khatijah Sidek Puteri Ksateria Bangsa*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995.

Penulisan dalam bentuk artikel juga turut diusahakan oleh beberapa penulis. Antaranya Wazir Jahan Karim dalam artikelnya "Malay Women Movement : Leadership and Processes of Change".[10] Beliau mengupas tentang perjuangan politik wanita Asia, dengan mengambil contoh beberapa tokoh wanita seperti Raden Adjeng Kartini,[11] Sorojini Naidu,[12] Khadijah Sidek[13] dan Aishah

---

[10] Wazir Jahan Karim, "Malay's Women Movements: "Leadership and Processes of Change", dalam *International Social Science Journal*, Vol. 34, 4, 1983.

[11] Raden Adjeng Kartini (1879-1904), merupakan nasionalis wanita Indonesia yang memperjuangkan nasib wanita tempatan agar diberi pendidikan yang sempurna untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah di Japara, Indonesia untuk anak-anak pegawai Indonesia pada 1902. Kartini berpendapat keadaan bangsanya dapat diperbaiki melalui pendidikan sama ada bercorak Barat atau Indonesia. Usaha-usaha Kartini menubuhkan sekolah telah menyemai bibit-bibit kesedaran di kalangan rakyat Indonesia. Sila rujuk J. S. Furnivall, *Hinddia Belanda : Satu Pengkajian Ekonomi Majmuk*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 330. Wazir Jahan Karim, "Malay's Women Movements: Leadership and Processes of Change", dalam *International Social Science Journal*, Vol. 34, 4, 1983, hlm. 730.

[12] Sarojini Naidu (1879-1949), lahir di kalangan keluarga Nehru yang terkenal Beliau adalah Presiden Kongres Kebangsaan India pada 1925. Beliau menyalurkan sentimen anti British melalui penulisan sajak dan buku-buku semasa pergerakan pembebasan India. Wazir Jahan Karim, "Malay's Women Movements: Leadership and Processes of Changes", hlm. 730.

[13] Khadijah Sidek (1918-1982), dilahirkan di Sumatera Barat pada 1918. Beliau banyak berjuang untuk kebebasan Indonesia. Khadijah dijemput ke Tanah Melayu untuk menyemarakkan semangat wanita Tanah Melayu untuk kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Johor Bharu sebelum dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO pada 1954. Setelah keluar dari UMNO beliau menyertai PAS dan memenangi kerusi Parlimen Dungun pada 1959. Aishah Ghani, "Peranan Wanita UMNO Dalam Politik Kebangsaan", Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Umno Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Penerbit Mahir Publications Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993, hlm. 262. Ramlah Adam, "Dr.Hamzah Haji Taib (1900-1956)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil.19, Persatuan Sejarah Malaysia, 1991, hlm.1-17.

Ghani.[14] Beliau juga membincangkan bentuk-bentuk perjuangan dan sumbangan mereka kepada negara masing-masing.

Begitu juga Roose Hashinah dalam artikelnya "Changes in the Position of Malay Women."[15] Penulisan beliau berkisar tentang perubahan sikap wanita Melayu dalam politik sebelum merdeka dan selepasnya. Hashinah juga membandingkan penyertaan wanita dalam pilihan raya dalam tempoh 1950-1960-an. Perbincangannya juga turut mengulas perjuangan politik Khadijah secara umum.

Maheran Haji Mustafa[16] juga membincangkan peranan wanita Melayu dalam politik Malaysia menerusi kajiannya. Tetapi, perbincangannya agak cetek

---

[14] Aishah Ghani (1920 sehingga sekarang). Beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Beliau mula bergiat dalam UMNO pada 1949. Menjawat jawatan senator wanita pertama di negara ini. Beliau telah terpilih menjadi Ketua Wanita UMNO pada 1972–1984. Kini, walaupun beliau tidak lagi memegang jawatan penting namun beliau masih lagi cergas selaku Pengerusi Yayasan Dermawani, Koperasi Jayanita, Firma Jaya dan banyak lagi. Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Penisular Malaysia*, East Asian Social Science Monographs, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm.168. Aishah Haji Abdul Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 45. Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam, Kedudukannya Dalam Syariah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm. 67.

[15] Roose Hashinah, "Changes In The Position of Malay Women" in Barbara Ward (ed.), *Women in New Asia, The Changing Sosial Roles of Men and Women in South and Southeast Asia*, Netherlands: UNESCO, 1963.

[16] Maheran Haji Mustafa, "Peranan Wanita Melayu Dalam Parti Politik (UMNO) Malaysia", Latihan Ilmiah, B.A., Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999.

kerana isu-isu cabaran, permasalahan dan pencapaian Wanita UMNO yang berkaitan dengan Khadijah tidak dibincangkan langsung.

Perjuangan politik Khadijah Sidek merupakan satu usaha penulis untuk menambahkan penulisan yang sedia ada. Penulisan ini bertujuan mengupas perjuangan politik beliau di Tanah Melayu dan Indonesia dari tahun 1918-1982. Tidak dapat dinafikan tokoh nasionalis Melayu berketurunan Minangkabau yang berasal dari Sumatera Barat ini, memainkan peranan penting dalam mengerakkan sosiopolitik Melayu tanah air.

Bab Pertama kajian ini menggalurkan latar belakang beliau semasa di Indonesia. Pendidikan yang diterimanya, latar belakang keluarga dan penglibatan politik terawal beliau semasa berjuang membebaskan Indonesia daripada penjajahan Belanda juga disentuh. Ini dapat membantu penulis membincangkan kegiatannya dalam bab yang seterusnya.

Bab Kedua menyentuh penghijrahan beliau ke Tanah Melayu. Ini meliputi kepemimpinan beliau dalam UMNO, kemelut yang berlaku dalam UMNO sehinggalah penyingkiran beliau sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO.

Menerusi Bab Ketiga, penulis menyoroti perjuangan beliau dalam PAS sehinggalah beliau terpilih sebagai wakil rakyat di Terengganu dan Ketua Dewan Muslimat PAS. Penglibatan beliau dalam UMNO buat kali kedua pada 1972 dan

pertubuhan-pertubuhan sosial yang disertainya juga dibincangkan dalam bab empat. Bab lima turut dimasukkan yang juga difikirkan agak penting sebagai menilai dan menyoroti jatuh bangun tokoh yang dikaji berbanding tokoh politik wanita lain. Seterusnya Rumusan terhadap idea politiknya dibincangkan dalam Penutup.

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, penulis menggunakan pelbagai sumber untuk mendapatkan kajian yang lebih mendalam. Antaranya buku, suratkhabar, jurnal, majalah, surat-surat persendirian, mikrofilem, koleksi persidangan dan risalah.

Melalui kaedah temu bual pula, penulis dapat menambahkan maklumat yang diperoleh kerana tidak semua fakta boleh didapati dari buku. Antara yang ditemu ramah ialah sahabat beliau dan tokoh-tokoh politik yang seangkatan dengan Khadijah.

Dalam menyiapkan penulisan ini, penulis menghadapi beberapa masalah. Masalah utamanya, sumber primer mengenai Khadijah Sidek amat terbatas. Dalam koleksi surat-surat persendirian beliau, hanya terdapat gambar-gambar persendirian sahaja dan tidak terdapat catatan tentang aktiviti-aktiviti politiknya.

Anak-anak Allahyarhamah Khadijah Sidek tidak dapat dikesan. Untuk melengkapkan kajian ini, penulis terpaksa bergantung kepada maklumat daripada

hasil daripada temu bual penulis dengan tokoh-tokoh veteran yang seangkatan dengannya.